

## Carilah Sahabat Yang Membawa Berkah



Oleh: Norsyabilah Najwa Sahidin

*Universiti Sains Islam Malaysia*

*Diterbitkan pada 23 Julai 2021*

Teknologi semakin canggih, ruang persahabatan semakin terkatup. Namun ketahuilah, ke mana sahaja kita melangkah pasti akan bertemu insan yang bernama sahabat.

Misalnya di alam persekolahan, di alam universiti, di alam pekerjaan dan lain-lain. Pada zaman globalisasi yang mencabar etika dan ketelusan ini, kadangkala mencari seorang teman yang bergelar sahabat tidaklah mudah.

Adakalanya definisi sahabat itu harus bermula dari empunya diri dengan menerapkan erti ikhlas dan telus dalam kehidupan agar menjadi orang yang sentiasa dipercayai oleh orang di sekeliling. Persoalannya, wujudkah ciri-ciri sahabat yang terbaik dalam zaman serba canggih ini?

Sahabat adalah mereka yang menyemarakkan perasaan berkasih sayang kerana Allah SWT. Dalam kitab suci al-Quran, Allah SWT mengangkat darjat kemuliaan kalimah sahabat. Hal ini dibuktikan dengan kalimah sahabat disebut melebihi 20 kali.

Adakala sahabat di dunia yang pernah kita temukan atau sebaliknya berkaitan ciri dan perwatakannya iaitu mereka yang sanggup bersusah-senang dengan kita, berkongsi suka duka, sama impian.

Tidak kurang juga ada yang muncul pada waktu senang dan hilang pada waktu kita susah. Oleh itu, mencari sahabat yang baik adalah amat penting.

Kita digalakkan dalam Islam untuk memahami sifat sahabat dalam konteks kehidupan masa ini. Antaranya memilih sahabat yang mempunyai keperibadian yang baik dan mempunyai perwatakan yang lembut.

Mereka yang lembut mampu menjadi personaliti yang baik saat kita memerlukan. Malah, bicaranya yang lembut tetapi menusuk dan berhemah serta berhikmah kerana Rasulullah SAW pernah bersabda, seseorang itu bergantung kepada agama sahabatnya.

Antara lainnya, kita digalakkan untuk mencari sahabat yang mampu menjaga aib. Sahabat yang menjaga aib umpama satu dalam sejuta kerana manusia hari ini suka mengumbar-umbar aib sahabat bahkan aib sendiri.

Maka pilihlah sahabat yang pandai menjaga aib kerana barangsiapa yang menjaga aib sahabatnya maka Allah SWT akan memelihara aibnya di dunia dan di akhirat.

Dalam pada itu, pilih sahabat yang suka berterus terang. Sahabat yang mempunyai perwatakan begini sangat sukar untuk dicari kerana mereka suka menyembunyikan kebenaran.

Terdapat satu ungkapan bernas yang seharusnya menjadi titipan bagi umat Rasulullah SAW iaitu berkata benarlah walaupun pahit. Namun sayang sekali tidak ramai yang ingin berkata benar. Alasannya, takut sahabat terasa hati, merajuk dan menjauh.

Sahabat yang benar menyayangi dirimu, dia yang mampu menjadi sahabatmu di dunia dan akhirat. Bukan perlu memilih dan mencari tetapi kita perlu menjadi yang dipilih dan terpilih.

Sebaik-baik manusia dan mereka yang tidak bersendirian dan mempunyai sahabat yang jelas matlamatnya. Jadikan diri kita sahabat yang mampu memberi inspirasi kepada sahabat yang lain.



Sekumpulan sahabat yang kekal bersama sehingga kini.